

GARIS PANDUAN PERMOHONAN CENDERAMATA

Disahkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Bil 9/2016 bertarikh 16 Mac 2016

1. Selaras dengan Arahan Pengurusan Berhemat, Cenderamata Korporat UPSI hanya akan diluluskan kepada:
 - i. Perasmi / tetamu khas majlis rasmi universiti yang dijemput dari luar
 - ii. Ketua delegasi sesuatu lawatan kerja / rasmi daripada organisasi luar
 - iii. Lawatan kerja rasmi staf atau pelajar ke organisasi luar
 - iv. Penceramah jemputan, ahli panel forum (yang tidak berbayar / honorarium)
 - v. Satu (1) Cenderamata sahaja untuk 1 aktiviti

2. Cenderamata Korporat UPSI **TIDAK BOLEH** diberikan bagi tujuan-tujuan seperti berikut:
 - i. Kakitangan dan pelajar UPSI untuk sebarang tujuan
 - ii. Perasmi/Penceramah yang merupakan kakitangan UPSI
 - iii. Penceramah/hakim/juri/ahli panel forum yang dibayar honorarium / kadar professional
 - iv. Program/aktiviti yang telah diperuntukan bajet cenderamata
 - v. Cenderamata (Door gift) kepada pengunjung/tetamu aktiviti yang dianjurkan sama ada oleh Pusat Tanggungjawab mahupun pelajar.
 - vi. Cenderamata bagi aktiviti penyelidikan/persidangan pensyarah.
 - vii. Cenderamata kepada ahli mesyuarat/peserta seminar/persidangan/kursus dan pertandingan yang dianjurkan oleh/di UPSI/PTj atau jemputan luar.
 - viii. Program / aktiviti yang lambat membuat permohonan/ tidak mengikut prosedur / tidak bersesuaian dengan program

3. Cenderamata Plate "*WE LOVE UPSI*"
 - i. Permohonan perlu disertakan dengan kelulusan kertas kerja.
 - ii. Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada penganjuran program peringkat Daerah/Negeri/Kebangsaan/IPT/Antarbangsa sahaja.
 - iii. Kelulusan permohonan terhad kepada 1 unit/ sekolah
 - iv. Setiap sekolah hanya boleh menerima sekali sahaja plate "*We Love UPSI*"

4. Had Perolehan Cenderamata UPSI
 - i. Had maksimum perolehan cenderamata oleh PTj bagi satu tahun ditetapkan tidak melebihi RM10000.00
 - ii. PTj juga dibenarkan membuat perolehan secara runcit (petty cash) bagi keperluan yang sangat sedikit. Namun perancangan oleh pihak pengurusan sangat diperlukan dan penting berpandukan pola keperluan sebelum dan semasa merujuk kepada perancangan aktiviti tahunan PTj.

5. Kategori dan Kadar Perbekalan Cenderamata PTj

- i. Perbekalan cenderamata dikategorikan seperti jadual dibawah;

Bil	Kategori	Kos Seunit / Kit (RM)
1	Kit Pameran (Promosi) / Lawatan Sekolah	10.00
2	Kit Lawatan Korporat	35.00
3	Plak (Biasa)	35.00
4	Plak (Eksekutif)	70.00
5	Cenderamata Eksklusif (VVIP/Perasmi dsb)	350.00

**** Kadar siling tertinggi mengikut kategori pertama. Cenderamata eksklusif disaran berasaskan hasil UPSI seperti buku atau hasil kerja pelajar dan juga kakitangan.**